



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**Y.B DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
PENGERUSI RISDA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP)
PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2017**

**TEMPAT : GRAND BLUEWAVE HOTEL, SHAH ALAM
TARIKH : 15 FEBRUARI 2017 (RABU)
MASA : 3.00 PETANG**

1. Y.Brs En. Mohd Rosli bin Hassan
Pengarah RISDA Negeri Selangor
2. Y.Bhg.Pn.Hjh.Zainabon binti Ismail
Pengarah Bahagian Pengembangan dan Pemindahan
Teknologi
3. Y.Bhg. Datuk Ton Zailani Mat Darus
Ketua Pegawai Seranta RISDA
4. Pegawai dan Kakitangan RISDA Negeri Selangor serta
Pekebun Kecil yang dihormati sekalian.
5. Rakan-rakan media

6. Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1
Malaysia**

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana di atas limpah dan kurnia-Nya maka kita dapat berkumpul di dalam Majlis Perasmian Konvensyen Amalan Pertanian Baik (GAP) Peringkat Negeri Selangor Tahun 2017 pada petang ini.
2. Untuk makluman tuan/puan program konvensyen ini merupakan satu usaha RISDA dalam membantu membudayakan Amalan Pertanian Baik (GAP) di kalangan komuniti pekebun kecil dan seterusnya meransang ke arah peningkatan produktiviti. GAP merupakan satu

sistem pengurusan yang mengamalkan amalan pertanian yang mengikut standard dan peraturan bagi mendapatkan hasil yang tinggi di samping mengurangkan risiko dan impak negatif terhadap alam sekitar.

3. RISDA turut menyediakan bantuan Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG) sebanyak RM 16 juta kepada seluruh pekebun kecil di Malaysia yang telah menoreh, meliputi pemberian baja dan bahan rangsangan lateks seperti Mortex. Bantuan ini amat penting bagi

RISDA dalam membantu meningkatkan keluasan kebun getah matang bertoreh ke arah peningkatan pendapatan pekebun kecil. Melalui bantuan ini, ia dapat memastikan produktiviti kebun matang ditingkatkan kepada 1800 kg/hek/tahun pada 2020 disamping memastikan kebun getah matang terus ditoreh mengikut amalan pertanian baik (GAP).

4. Kerajaan juga telah memperuntukan kepada RISDA sebanyak RM 1.7 juta untuk Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran bagi menyediakan kemudahan seperti pembinaan depo jualan, pusat timbang dan stor. Pada tahun ini , RISDA Negeri Selangor akan membina sebuah depo baru dengan kos RM 25,000 di KOA Bukit Jenok , Bangi, Selangor di bawah Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran ini.

5. Adalah menjadi harapan RISDA, supaya pekebun kecil terus merebut peluang yang disalurkan oleh Kerajaan melalui program RISDA dan memberikan komitmen yang baik dalam menjayakan apa-apa aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan. RISDA hanya boleh merancang dan membantu tetapi pekebun kecil sendiri mestilah menetapkan matlamat hidup mereka dan berusaha untuk mencapainya manakala yang lain diserahkan kepada ALLAH S.W.T.

6. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada RISDA atas jemputan bagi merasmikan Majlis Perasmian Konvensyen Amalan Pertanian Baik (GAP) Peringkat Negeri Selangor Tahun 2017 ini. Kepada tuan-tuan dan puan-puan masyarakat pekebun kecil, saya ucapkan terima kasih atas segala sumbangan kepada industri getah dan sawit negara. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat memanfaatkan segala kemudahan dan bantuan kerajaan yang disediakan dan akan beroleh kejayaan dalam meningkatkan kemajuan diri dan keluarga, dan pada masa yang

sama dapat memperkasa sektor perladangan dan pertanian di negara kita. Semoga majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil.

Dengan lafaz '**Bismillahirrahmanirrahim**' saya dengan ini merasmikan "Majlis Perasmian Konvensyen Amalan Pertanian Baik (GAP) Peringkat Negeri Selangor Tahun 2017" .

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.